

Bab IV

BAB IV

Analisis Terhadap Pendekatan Hermeneutik Muḥammad Syaḥrūr Dalam *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*

4.1. Pengenalan

Dalam bab yang keempat ini pembahasan kajian mengenai satu usaha bagi menganalisis pendekatan hermeneutik Muḥammad Syaḥrūr dalam buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* dengan menyatakan gambaran secara ringkas perbincangan keseluruhan yang diperbincangkan di dalam bab keempat ini ianya merangkumi dua perkara iaitu: pengenalan dan analisis.

Pertama sekali perbincangan di dahului dengan pengenalan bab. Perkara kedua yang disentuh dalam bab ini adalah menganalisis pendekatan hermeneutik Muḥammad Syaḥrūr dengan menyertakan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

4.2. Analisis Pendekatan Hermeneutik Dalam *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*.

Pada pembahasan dalam bab-bab terdahulu telahpun didedahkan berkenaan dengan teori hermeneutik dan buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*. Pada bab ini penulis akan berusaha menganalisis terhadap pendekatan hermeneutik dalam buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* yang dapat dibahagikan menjadi empat bahagian. Pertama adalah pembahasan mengenai sinonim dalam bahasa al-Quran. Kedua mengenai konsep penurunan al-Quran (*Inzāl wa Tanzīl*). Ketiga mengenai

kemukjizatan al-Quran (*I'jāz al-Qur'ān*) dan konsep takwil, kemudian bahagian keempat mengenai teori dialektik dan pengetahuan (*al-Jadāliyyah wa al-Ma'rifah*).

Perkara-perkara tersebut akan di huraikan dalam bab ini dan akan dianalisis satu persatu mengikut pendekatan hermeneutik.

4.2.1. Sinonim Dalam Bahasa al-Quran.

Sinonim adalah kata yang sama atau hampir sama maknanya dengan kata lain. Dalam bahasa Arab *al-Tarādūf* yang bermaksud: berturut-turut, mengikut atau membonceng¹. Sinonim menurut istilah adalah: Dua kata atau lebih yang memiliki satu erti ketika di lihat dari akar katanya². Seperti perkataan cantik dengan indah, manusia dengan insan, *al-Kitāb* dengan al-Quran dan seterusnya, iaitu kalimat-kalimat yang memiliki makna yang sama³.

Hubung kait antara sinonim dengan hermeneutik dapat dijelaskan dengan proses penentuan makna yang tepat terhadap kalimat. Ini bermakna bahawa teori hermeneutik menggunakan pendekatan sejarah dengan teks mengikut ruang dan waktu. Pendekatan ini dapat memberikan makna yang sama atau berbeza pada kalimat. Begitu juga sinonim, ianya memberikan makna yang sama terhadap kalimat-kalimat yang berbeza diselaraskan mengikut ruang dan waktu.

¹Khalīl bin Aḥmad al-Farāhidī (1991), *al-'Ayn*, cet. 2. Beirut: Mu'asasah Dār Hijrah, j. 8, h. 22.

² Alī bin Muḥammad bin Alī al-Jurjānī (1997), *al-Ta'rifāt*, Beirut; Dār al-Kitāb al-Arabī, h. 253, lihat juga: Muḥammad Nūr al-Dīn al-Munjjid (1997), *al-Tarādūf fī Qur'ān al-Karīm Bayna al-Nazariyyah wa al-Taṭbīq*, Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, h.h. 29 – 33 dan 252.

³ Seperti kalimat *Ilah* dengan *Rabb*, *Islām* dengan *Imān*, *al-Nubuwah* dengan *al-Risālah* dan *al-Rūḥ* dengan *al-Nafs*.

Berikut pandangan Muḥammad Syaḥrūr mengenai sinonim dalam bahasa al-Quran.

4.2.1.1. Pendapat Muḥammad Syaḥrūr

Muḥammad Syaḥrūr menggunakan istilah-istilah khas untuk menafikan sinonim dalam bahasa al-Quran⁴. Istilah-istilah tersebut mempunyai peranan penting dalam penulisan karya pertamanya. Selain daripada itu beliau juga menggunakan pendekatan linguistik untuk mengkaji makna. Pendekatan ini selaras dengan metode hermeneutik dalam mengkaji teks⁵.

Muḥammad Syaḥrūr berpendapat, bahawa pandangan yang mengatakan kalimat-kalimat al-Quran memiliki makna yang sama atau mirip adalah keliru kerana menurut beliau setiap kalimat dalam al-Quran memiliki makna yang spesifik atau lebih dari satu makna, hal tersebut sebagai bukti kemukjizatan dan keagungan al-Quran yang relevan di setiap ruang dan waktu⁶.

Dari konsep tersebut beliau membuat pentafsiran baru terhadap istilah-istilah dalam al-Quran seperti: *al-Kitāb*, *al-Qur'ān*, *al-Dhikr*, *al-Furqān*, *Ulūhiyyah*, *Rububiyyah*, *al-Risālah*, *al-Nubuwah*, *Islām*, *Imān* dan seterusnya berlandaskan dengan penafian sinonim⁷.

⁴ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h.h. 51 - 68

⁵ Sila lihat tajuk ruang lingkup hermeneutik dalam disertasi ini. h.h. 28 – 32.

⁶ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 28

⁷ Istilah-istilah ini telah di jelaskan pendefinisiannya dalam bab ke-III pada disertasi ini. h.h. 87 – 98.

Bagi mengukuhkan idea dan pentafsiran kontemporari beliau memberikan hujah-hujah yang berkaitan dengan penafian sinonim dalam bahasa al-Quran, sebagaimana berikut:

- a. Kewujudan sinonim dalam kalimat-kalimat al-Quran menjadikan *confused* (mbingungkan) kerana sinonim memberikan makna yang sama terhadap kalimat yang berbeza, ini dapat mencabar keagungan al-Quran⁸. Berkenaan dengan pandangan ini beliau memberikan contoh perbezaan yang mendasar terhadap kalimat: *al-Qur'ān* dan *al-Kitāb* oleh itu, merupakan kesilapan dan *confused* kalau memberikan makna yang sama kepada keduanya⁹ begitu juga kalimat *al-Ilah* dan *al-Rab*. Meskipun dua kalimat ini menunjuk pada satu *Dhat*, akan tetapi memiliki makna yang berbeza¹⁰.
- b. Syaḥrūr menggunakan pendekatan histori-ilmiah untuk menafikan sinonim dalam bahasa al-Quran. Menurut beliau bahasa Arab memiliki perwatakan dan struktur bahawa setiap kalimat memiliki erti dan pemahaman yang berbeza dengan kalimat lain. Bagi menyokong hujah ini beliau merujuk kepada

⁸ Temu bual dengan Muḥammad Syaḥrūr, *op.cit.*

⁹ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 107

¹⁰ Menurut Syaḥrūr, dua istilah ini memiliki konotasi yang berbeza walaupun menunjuk pada satu Dzat. Kata *al-Rabb* dalam bahasa Arab mengandungi erti *al-Milk* (pemilikan) dan *al-Siyādah* (menguasai). *Rububiyah* Allah merupakan konsep hubungan penguasaan, pemilikan dan pengaturan Allah terhadap milik-Nya. *Rububiyyah* ini bersifat memaksa suka tidak suka makhluk adalah milik Allah diciptakan dan dipelihara-Nya. Menerima sifat *Rububiyyah* Allah bermakna tunduk pada sunnah Allah yang ditetapkan bagi alam semesta. Ayat-ayat yang menjelaskan mengenai *al-Rabb* di antaranya adalah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰئِكَةِ اِنِّيْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ خَلِيْفَةً ﴿٣٠﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi".

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 30

Makna ayat-ayat di atas dapat di simpulkan bahawa *Rububiyyah* berkaitan dengan penciptaan, pemilikan dan pengaturan alam semesta. Konsep *Uluhiyyah* adalah eksistensi Allah sebagai Dzat yang disembah berkaitan erat dengan ikhtiar manusia. Banyak ayat-ayat al-Quran yang memerintahkan manusia untuk menyembah hanya kepada Allah. Namun manusia diberi kehendak untuk memilih menerima atau menolaknya mereka yang menerima sifat *Uluhiyyah* Allah disebut Muslim dan yang menolak disebut Kafir. Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h.h. 123 – 129.

pandangan para ulama terdahulu yang menafikan sinonim, di antara mereka:¹¹ Abū Alī al-Fārisī (w. 377 H), Abd al-Qāhir al-Jurjānī (w. 471 H), Ibn Jinnī (w. 392 H) dan Aḥmad bin Yaḥyā Tha'lab (w. 291 H). Syaḥrūr menjelaskan perbezaan antara istilah *al-Kitāb*, *al-Qur'ān*, *al-Dhikr*, *al-Furqān*, *al-Sab' al-Mathānī*, *Umm al-Kitāb*, *Tafṣīl al-Kitāb*, *al-Laūḥ al-Makhfūz*, *Imām al-Mubīn* dan *al-Furqān* berdasarkan analisis beliau terhadap perwatakan bahasa Arab dan ilmu-ilmu linguistik kontemporari beliau berkesimpulan, bahawa semua bahasa manusia tidak mengandungi sinonim (*Tarāduf*) akan tetapi sebaliknya, satu kalimat dapat memiliki lebih dari satu erti (polisemi) sebagai bukti kelayakan al-Quran di setiap ruang dan waktu (*Ṣāliḥ li Kulli Zamān wa Makān*). Hal ini dapat dibuktikan bahawa sebuah kalimat sejalan dengan perkembangan sejarah boleh jadi ia tidak lagi dipergunakan dan boleh juga ia mengandung makna baru sebagai tambahan dari makna awalnya, contohnya perkembangan makna kalimat seperti *Ṣolat*, *Zakāt*, *al-Ḥāiṭ* dan *al-Aqīqah* makna asal kalimat solat adalah doa, zakat adalah *Namā'* bertambah, *al-Ḥāiṭ* adalah *Bustān* kebun dan *al-Aqīqah* adalah rambut bayi yang baru lahir. Akan tetapi makna tersebut berubah dengan perkembangan masa menjadi istilah baru iaitu solat adalah ucapan dan pekerjaan khusus yang di mulakan dengan takbir dan diakhiri dengan salam, zakat adalah harta yang dikeluarkan untuk fakir miskin, *al-Ḥāiṭ* adalah tembok (*al-Jidār*) dan *al-Aqīqah* adalah haiwan yang di sembelih sempena kelahiran bayi¹².

- c. Syaḥrūr menjelaskan dalam bukunya kriteria memahami linguistik Arab berdasarkan dengan penafian sinonim dan mengikut daya kefahaman akal¹³.

Berikut pendapat beliau dalam bukunya:

¹¹Masalah ini telah dijelaskan dalam bab ke-III pada disertasi ini, ketika menerangkan mengenai metodologi penulisan *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*. h. 79

¹² Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 196, Ḥusain bin Muḥammad al-Rāghib al-Aṣfihānī (1992), *Mufradāt al-fāz al-Qur'ān*, j. 1, Beirut: Dār al-Qalam, h.h 436, 589 dan 592.

¹³ *Ibid.*, h. 583

أَنَّ الْأَلْفَاظَ حِدْمُ الْمَعْنَى، وَأَنَّ اللِّسَانَ الْعَرَبِيَّ لِسَانَ لَا يُوجَدُ فِيهِ تَرَادُفٌ، وَأَنَّ
الْمُتَرَادِفَاتِ لَيْسَتْ أَكْثَرَ مِنْ خِدْعَةٍ¹⁴.

Maksudnya: Bahawa lafaz adalah bentuk pengungkapan makna. Linguistik Arab tidak memiliki konsep sinonim. Kata-kata yang dianggap sinonim hanyalah tipuan sahaja.

وَأَنَّ مَا طَرَحَ عَلَى أَنَّهُ مِنَ الْمُتَرَادِفَاتِ خِلَالَ قُرُونٍ عَدِيدَةٍ ظَهَرَ أَنَّهُ مِنَ الْمُتَغَايِرَاتِ¹⁵.

Maksudnya: Bahawa kalimat yang selama berabad-abad dikatakan sinonim sebenarnya adalah polisemi (*al-Mutaghāyirāt*).

Menurut Syaḥrūr pendapat yang mengisbatkan sinonim dalam bahasa bermakna pendapat tersebut mengingkari perkembangan sejarah berkaitan dengan penggunaan kata-kata dan ungkapan. Syaḥrūr sepakat dengan pernyataan daripada Tha'lab (w. 291 H) yang menjadi rujukan utama beliau dalam bidang linguistik¹⁶:

مَنْ يَظُنُّ فِي الدِّرَاسَةِ الْعَوِيَّةِ مِنَ الْمُتَرَادِفَاتِ هُوَ مِنَ الْمُتَبَايِنَاتِ

Maksudnya: Sesiapa yang menganggap bahawa dalam kajian bahasa terdapat sinonim (*mutarādif*) sebenarnya punya makna yang berbeza (polisemi).

4.2.1.2. Jawapan Terhadapnya

Daripada huraian di atas sangatlah jelas bahawa Muḥammad Syaḥrūr menafikan sinonim dalam bahasa al-Quran. Hujah-hujah yang didedahkan beliau untuk melandasi konsep dan istilah yang beliau hasilkan sangatlah rapuh dan tidak tepat penggunaannya, kerana pandangan tersebut bertentangan dengan metode pentafsiran yang telah di sepakati oleh para ulama.

¹⁴ *Ibid.*, h 47

¹⁵ *Ibid.*, h 714

¹⁶ *Ibid.*, h. 24

Hujah Syaḥrūr yang mengatakan kewujudan sinonim dalam al-Quran membingungkan (menjadi *confused*) adalah kurang tepat dan bertentangan dengan metode tafsir *tahlili*. Hal tersebut dapat di buktikan dengan bentuk pentafsiran lafaz seperti berikut:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢٠٠﴾

Maksudnya: Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang kesempurnaannya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 2

Kata *لا رَيْبَ فِيهِ* ditafsirkan oleh ulama tafsir dengan *لَا شَكَّ فِيهِ* “*La Syaka Fih*”¹⁷.

Sekiranya kata *Rayba* tidak sama maknanya dengan kata “*Syakk*” maka pentafsiran “*La Rayba fih*” dengan *La Syaka Fih* merupakan kesilapan. Begitu juga pentafsiran dalam ayat berikut:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُّهْتَدُونَ ﴿٢٠١﴾

Maksudnya: Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman (*syirik*), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah (petunjuk).

Terjemahan surah al-An’ām (6): 82

Kata *al-Zulm* pada ayat di atas ditafsirkan dengan *al-Syirk* tafsiran tersebut daripada penjelasan Nabi s.a.w. yang merujuk kepada ayat dalam surah Luqmān:¹⁸

¹⁷ Abd Raḥman bin Aby Bakr Jalāl al-Din al-Suyūṭī (2003), *Tafsīr al-Jalālyin*, Beirut: Dār al-Khair, h. 3.

¹⁸ Muslim bin al-Ḥajāj (2005), *Saḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Imān, Bāb Ṣidq al-Imān wa Ikhhlāṣuh, nombor hadith: 197. Beirut: Dār al-Ma’rifah, j. 1 . h. 323. lihat juga: Abd Raḥman bin Aby Bakr Jalāl al-Din al-Suyūṭī (2004), *al-Dur al-Manthūr Fi al-Tafsīr al-Ma’thūr*, J. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 49.

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: dan (ingatlah) ketika Luqmān berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".

Terjemahan surah Luqmān (31): 13

Oleh sebab itu, dengan penafian sinonim secara mutlak seperti yang disyorkan oleh Syaḥrūr dapat menafikan bentuk-bentuk tafsir *tahlili* (analisis) yang telah dipraktikkan oleh nabi dan para sahabat dalam memahami al-Quran¹⁹.

Dalam memberi komen terhadap pendapat Syaḥrūr penafian sinonim secara mutlak dengan mengatakan bahawa sinonim hanyalah tipuan sahaja. Penulis merujuk kepada pendapat Jalāl al-Din al-Suyuṭī (w. 911 H) yang menyatakan bahawa penafian terhadap sinonim dengan cara meneliti sifat-sifat yang ada pada setiap kata merupakan sebuah upaya mengada-ada²⁰, kerana kemungkinan terjadinya sinonim merupakan hal yang tidak disyaki lagi. Banyak ulama yang menulis karya-karya khusus berkaitan dengan kata-kata yang dianggap sinonim di antara mereka; Ibnu Khālawaih (w. 370 H) salah seorang tokoh linguistik yang mengisbatkan sinonim, beliau menulis buku khusus mengenai kumpulan nama-nama harimau dan ular²¹. Tha'lab (w. 291 H) yang dijadikan rujukan utama oleh Syaḥrūr pernah menyatakan ungkapan: *Suwaida` Qalbuḥu, Habbah Qalbuḥu, Sawad Qalbuḥu, Sawadah Qalbuḥu, Jaljalan Qalbuḥu, Aswad Qalbuḥu* dan *Sauda` Qalbuḥu* kesemuanya bermakna sama, iaitu; lubuk hati nurani²².

¹⁹ Abd Raḥman bin Aby Bakr Jalāl al-Din al-Suyuṭī (1998), *op.cit.*, h. 405

²⁰ Abd Raḥman bin Aby Bakr Jalāl al-Din al-Suyuṭī (1997), *al-Mazhar fi Ulūm al-Lughah wa Anwā'ihā*, j. 1 Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah. h. 412.

²¹ Ramaḍān Abd al-Tawwāb (1980), *Fuṣūl fi Fiqh al-Lughah al-Arabiyyah*. Kaherah: Dār al-Jīl li al-Tibā'ah, h.h. 316 – 334.

²² Abd Raḥman bin Aby Bakr Jalāl al-Din al-Suyuṭī (1997), *op.cit.*, h. 413.

Teori dasar yang digunakan Syaḥrūr dalam membezakan istilah *al-Kitāb*, *al-Qur`ān*, *al-Dhikr*, *al-Furqān* dan seterusnya sangat lemah untuk dijadikan hujah, kerana sinonim dalam bahasa al-Quran masih diperdebatkan oleh ulama, sebab mereka yang mengingkari sinonim hanya membezakan sifat-sifat yang terkandung dalam kalimat sahaja akan tetapi maksudnya sama. Berbeza dengan pandangan Syaḥrūr yang mengatakan bentuk sinonim merupakan penipuan dan permainan makna²³. Maka dengan demikian teori-teori yang dikemukakan oleh beliau tidak selari dengan pandangan para tokoh linguistik yang menafikan sinonim kerana mereka hanya memberikan perbezaan terhadap sifat-sifat bukan perbezaan makna seperti kalimat *Saif*, *Muḥannad*, *Ḥussām* dan *Ṣārim* kalimat-kalimat ini bermaksud besi yang tajam boleh dikatakan pedang, pisau, parang atau golok²⁴.

Konsep penolakan sinonim yang disyorkan oleh Syaḥrūr ini dapat menimbulkan konsekuensi terhadap teologi yang sangat berbahaya contohnya pada surat al-Ḥasyr (59) ayat 22-24:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ ۖ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ
 اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ
 الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ ۗ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ
 الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ ۗ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ
 الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

²³ *Ibid.*, h 47

²⁴ Penolakan terhadap sinonim mula ramai di kalangan ulama pada akhir abad ke-III Hijriah iaitu bermula dari pemikiran seorang tokoh linguistik Aḥmad bin Yahya Tha'lab (w. 291 H.) beliau menyatakan penafian terhadap sinonim. Kemudian diikuti oleh anak murid beliau Ibn Fāris (w. 377 H). Seterusnya pada abad ke-IV Hijriah ulama linguistik Arab bertambah ramai berselisih pendapat mengenai sinonim. Mereka terbagi menjadi tiga kelompok: pertama menolak terhadap sinonim. kedua bersetuju dengan sinonim dan ketiga sangat berlebihan dalam memahami sinonim sehingga memberikan konsep bahawa satu makna boleh jadi memiliki ratusan kata sinonim untuk mengungkapkannya. Lihat: Muḥammad Yās Khaḍr al-Dūrī (2006), *Daqāiq al-Furūq al-Lughawīyah fi al-Bayān al-Qurān*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiah. h.h. 26 – 30.

Maksudnya: Dia lah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan dia; yang mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata; Dia lah yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Dia lah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan dia; yang Menguasai (sekalian alam); yang Maha Suci; yang Maha selamat sejahtera (dari Segala kekurangan); yang Maha melimpahkan keamanan; yang Maha pengawal serta Pengawas; yang Maha kuasa; yang Maha kuat (menundukkan segala-galanya); yang Melengkapi segala Kebesaran-Nya. Maha suci Allah dari Segala yang mereka sekutukan dengannya. Dia lah Allah, Yang menciptakan sekalian makhluk; yang mengadakan (dari tiada kepada ada); yang membentuk rupa (makhluk-makhluk-Nya menurut yang dikehendaki-Nya); bagi-Nyalah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadanya segala yang ada di langit dan di bumi; dan Dia lah yang tiada banding-Nya, lagi Maha Bijaksana.

Terjemahan surat al-Ḥasyr (59) 22-24

Pada ayat di atas disebutkan lima belas Asmā` Allah al-Ḥusnā (Nama-nama Allah yang maha mulia), iaitu: Allah, ‘Ālim al-Ghaib wa al-Syahadah, al-Rahman, al-Rahim, al-Malik, al-Quddus, al-Salam, al-Mu`min, al-Muhaimin, al-‘Aziz, al-Jabbār, al-Mutakabbir, al-Khaliq, al-Bari`, al-Muṣawwir, al-Ḥakim. Dengan penafian terhadap sinonim secara mutlak akan menimbulkan pemahaman berbilangnya Tuhan sebanyak nama yang ada. Hal ini tentu merupakan kekeliruan yang berbahaya dalam akidah dan keyakinan²⁵.

4.2.2. Konsep *al-Inzāl* dan *al-Tanzīl*

Inzāl dan *al-Tanzīl* adalah dua kalimat yang berasal dari terbitan *Nazala* yang bermaksud turun²⁶. Apabila kalimat *Nazala* dikaitkan dengan al-Quran, maka memberikan maksud proses penurunan al-Quran. Menurut istilah *Ulūm al-Qur’ān*²⁷ *Inzāl* bermaksud proses penurunan al-Quran secara am sedangkan *al-Tanzīl* adalah

²⁵ Yusuf al-Ṣaydawī (t.t.) *Bayḍah al-Dīk: Naqḍ lughawī li Kitāb al-Kitāb wa al-Qur’ān*, Damsyik: Dār al-Ta’awuniyyah, h. 64 - 65

²⁶ Muḥammad bin Ya’qūb al-Fayrūzābādī (1999), *al-Qāmus al-Muḥīṭ*, j. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 624

²⁷ Abd al-Rahman bin al-Kamāl Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (2008), *al-Itqān fī Ulūm al-Qur’ān*, (ed). Markaz al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah, Madinah al-Munawarah: Majma’ al-Malk Fahd liṭibā’ah al-Muṣḥaf al-Syarif, h.h. 290 - 292

penurunan al-Quran secara bertahap selama lebih kurang 23 (Dua puluh tiga) tahun²⁸ ianya juga berkaitan dengan sebab penurunan al-Quran (*Asbāb al-Nuzūl*)²⁹.

Hubung kait hermeneutik dengan konsep penurunan al-Quran dapat dijelaskan bahawa dalam proses penurunan al-Quran ada yang berkaitan dengan *Asbāb al-Nuzūl*, proses ini melibatkan tiga komponen iaitu: peristiwa, pelaku dan waktu³⁰. Di samping itu juga, proses penurunan dan penyampaian al-Quran dari bentuk yang abstrak (yang tidak dapat di fahami oleh manusia) kemudian disampaikan dengan bahasa manusia iaitu bahasa Arab. Konsep tersebut selaras dengan teori hermeneutik dalam memahami dan mengkaji teks³¹.

Berikut pandangan Muḥammad Syaḥrūr mengenai konsep penurunan al-Quran yang berkaitan dengan teori hermeneutik.

4.2.2.1. Pendapat Muḥammad Syaḥrūr

Muḥammad Syaḥrūr berpendapat konsep *Inzāl* dan *al-Tanzīl* adalah kunci utama untuk memahami al-Quran (hermeneutik) secara komprehensif, kerana melalui *Inzāl* dan *al-Tanzīl* al-Quran mula berinteraksi dengan manusia³². Untuk memahami konsep *Inzāl* dan *al-Tanzīl* perlulah kiranya menjelaskan definisinya.

²⁸ Dalam hal ini, ada tiga pendapat mengenai proses penurunan al-Quran kepada baginda nabi Muhammad s.a.w., iaitu selama lebih kurang 20 tahun, 23 tahun dan 25 tahun, namun mereka bersepakat bahawa al-Quran diturunkan kepada nabi di waktu nabi berada di Madinah selama sepuluh tahun. Lihat: Muḥammad bin Bahādir bin Abd Allah al-Zarkasyī (1971), *al-Burhān Fi Ulūm al-Qur'ān*, Muhammad Abū al-Fadl Ibrahim (ed.) j. 1. Beirut; Dār al-Ma'rifah, h. 232

²⁹ *Asbāb al-Nuzūl* adalah: Disiplin ilmu berkaitan sebab-sebab, situasi, latar belakang, persoalan-persoalan dan pemerhatian yang menyebabkan penurunan al-Quran. Lihat: Muḥammad Abū Syahbah, (1987). *al-Madkhal li Dirāsah al-Qur'ān al-Karīm*, cet. III, al-Riyād: Dār al-Liwā'. h. 132 – 133

³⁰ Muḥammad Abd al-Azīm Al-Zarqāniy (1980), *Manāhil Al-'Irfān*, cet. 3, Mesir: Al-Ḥalabiy, j.1 h. 125.

³¹ Lihat definisi hermeneutik pada bab II dalam disertasi ini. h.h. 24 - 26

³² Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 147

Menurut Syahrūr definisi *Inzāl* dan *al-Tanzīl* adalah:

- a. *Al-Inzāl* adalah proses pemindahan maklumat yang di luar jangkauan akal manusia dari sesuatu yang abstrak menjadi dapat difahami oleh manusia atau proses pemindahan dari bentuk yang tidak dapat dikesan kepada bentuk bahasa yang dapat di fahami³³.
- b. *al-Tanzīl* adalah proses pemindahan objek secara bentuk, ianya berlangsung di luar kesedaran manusia seperti transformasi gelombang satelit. Oleh yang demikian, maka kaitan proses *al-Tanzīl* dengan al-Quran melalui malaikat Jibrail a.s. kemudian di sampaikan kepada baginda nabi Muhammad s.a.w. yang berlangsung selama lebih kurang 23 tahun³⁴.

Muḥammad Syahrūr menjelaskan mengenai proses penurunan al-Quran dengan tiga istilah iaitu; *al-Ja'l*, *al-Inzāl* dan *al-Tanzīl*. *al-Ja'l* adalah perubahan wujud dari bentuk yang abstrak kepada bentuk yang dapat difahami oleh manusia secara relatif, ini bermakna al-Quran mengalami perubahan struktur eksistensi (*Taghyir fi al-Ṣairurah*). Proses perubahan ini dalam linguistik Arab disebut dengan istilah *al-Ja'l*. Hal ini diterangkan dalam firman Allah s.w.t.³⁵ :

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami jadikan kitab itu sebagai Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.

Terjemahan surah al-Zukhruf (43): 3

³³ *Ibid.*, h. 149.

³⁴ *Ibid.*, h. 153.

³⁵ *Ibid.*, h. 152

Selanjutnya al-Quran dipindahkan menuju langit dunia secara utuh pada malam lailah *al-Qadar*. Perpindahan ini berlangsung dengan proses yang dikenali dengan istilah *al-Inzāl*. Allah berfirman dalam al-Quran:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam *Lailah al-Qadar*.

Terjemahan surah al-Qadr (97): 1

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.

Terjemahan surah al-Zukhruf (12): 2

Proses *al-Tanzīl* adalah proses penurunan al-Quran kepada nabi Muḥammad s.a.w. melalui malaikat Jibrail a.s. yang berlangsung selama lebih kurang 23 tahun. Allah berfirman dalam al-Quran³⁶:

تَنْزِيلُ الْكِتَابِ مِنَ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١﴾

Maksudnya: Turunnya al-Quran ini dari Allah yang maha kuasa lagi maha bijaksana.

Terjemahan surah Ghāfir (45): 2

Keterangan di atas bermakna *al-Inzāl* adalah proses transformasi objek di luar kesedaran manusia. *al-Tanzīl* adalah proses transformasi materi di luar kesedaran manusia dari bentuk yang tidak dapat difahami menjadi bentuk yang dapat dimengerti oleh manusia selaras dengan wilayah pengetahuannya mengikut ruang dan waktu³⁷.

³⁶ *Ibid.*, h. 153

³⁷ *Ibid.*, h. 149

Muḥammad Syaḥrūr mencontohkan konsep *al-Inzāl* dan *al-Tanzīl* dengan tayangan TV yang menyiarkan pertandingan bola sepak secara langsung (*live show*) dari Eropah kemudian dilihat oleh penonton yang berada di Damaskus pada waktu yang bersamaan. Proses penayangan pertandingan bola sepak ini melalui sinyal gelombang yang dipancarkan melalui satelit dari Eropah dan diterima oleh satelit yang berada di Damaskus. Proses ini dimaksudkan dengan istilah *al-Inzāl* karena proses pemindahan gelombang dari Eropah ke Damaskus berlangsung di luar kesedaran para penonton. Begitu juga proses pengubahan sinyal gelombang ke dalam pesawat TV dengan bentuk suara dan gambar yang dapat disaksikan oleh penonton. Proses ini dimaksudkan dengan istilah *al-Tanzīl*³⁸.

Sebagaimana keterangan terdahulu mengenai penafian sinonim yang membezakan terhadap istilah-istilah dalam al-Quran. Muḥammad Syaḥrūr juga membezakan antara *al-Inzāl* dan *al-Tanzīl* hal ini menghasilkan pandangan berikut:

- a. al-Quran tiada kaitan secara langsung dengan *Asbāb al-Nuzūl* kerana al-Quran diturunkan sekali gus ke langit dunia. Berikut pendapat Muḥammad Syaḥrūr dalam buku beliau:

يَقُولُ الْفُقَهَاءُ إِنَّ لِلتَّنْزِيلِ فِي الْقُرْآنِ أَسْبَابًا، وَأَقُولُ إِنَّ الْقُرْآنَ لَيْسَ لَهُ عِلَاقَةٌ بِأَسْبَابِ
النُّزُولِ لِأَنَّهُ كَانَ سَيِّئَاتِي سُئِلَ عَنْهُ أَوْ لَمْ يُسْأَلْ، حَيْثُ أَنَّ مُعْظَمَ الْأَسْئَلَةِ كَانَتْ فِي أُمَّ
الْكِتَابِ أَوْ تَفْصِيلِ الْكِتَابِ³⁹.

Maksudnya: Fuqaha' berpendapat bahawa penurunan al-Quran berkaitan dengan sebab, maka saya katakan bahawa al-Quran tidak ada kaitan dengan *asbāb al-Nuzūl* kerana al-Quran pasti diturunkan (kepada nabi) ditanya atau tidak, selain daripada itu kebanyakan soalan berkaitan dengan penurunan terdapat dalam *Umm al-Kitāb*⁴⁰ atau *Tafṣīl al-Kitāb*⁴¹.

³⁸ *Ibid.*, h. 151

³⁹ *Ibid.*, h. 154

⁴⁰ Lihat penjelasannya dalam disertasi ini, h. 60

وَمِنْ هَذَا يُفْهَمُ بَأَنَّ أَسْبَابَ النُّزُولِ لَيْسَ لَهَا أَيُّ مَعْنَى فِي الْقُرْآنِ، لِأَنَّ تَنْزِيلَ الْقُرْآنِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هُوَ حَتْمِيٌّ، سُئِلَ عَنْهُ أَوْ لَمْ يَسْأَلْ، لِذَا قَالَ عَنِ الْأَشْيَاءِ الَّتِي تَخُصُّ مَوَاضِعَ الْقُرْآنِ مِثْلَ الْغَيْبِيَّاتِ⁴².

Maksudnya: Dengan begitu di fahamkan bahawa *Asbāb al-Nuzūl* tak ada kaitan dengan al-Quran, kerana penurunan al-Quran kepada nabi s.a.w. adalah perkara yang pasti ditanyakan atau tidak al-Quran pasti akan turun. Maka dari itu, perkara-perkara yang berkaitan dengan al-Quran adalah seperti perkara-perkara ghaib.

- b. al-Quran diturunkan dengan sekali gus ke langit dunia pada malam lailah qadar sebagaimana dijelaskan firman Allah s.w.t.⁴³:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam *Lailah al-Qadar*.

Terjemahan surah al-Qadr (97): 1

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ⁴⁴

Maksudnya: (Masa yang Diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 185

Syaḥrūr juga merujuk pada hadis nabi yang menjelaskan bahawa pada *Lailah al-Qadr* al-Quran diturunkan ke langit dunia (*Sama' al-Dunyā*)⁴⁴ dari wujud yang abstrak

⁴¹ Lihat penjelasannya dalam disertasi ini, h. 95

⁴² *Ibid.*, h. 151.

⁴³ *Ibid.*, h. 93.

⁴⁴ Diriwayatkan daripada Dawūd bin Aby Hind daripada 'Ikrimah daripada Ibn 'Abbās r.a. daripada Rasulullah s.a.w. baginda bersabda:

أُنزِلَ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا لَيْلَةَ الْقَدْرِ

Maksudnya: Al-Quran secara sempurna diturunkan sekaligus ke langit dunia pada malam lailah qadar.

menjadi wujud yang dapat difahami manusia. Pada malam itu al-Quran ditampakkan dengan mengalami proses *al-Isyhār* (pengesanan) secara sempurna. Fikrah ini beliau fahami dari ayat ketiga surah al-Qadar iaitu:

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿١٩٧﴾

Maksudnya: Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan.

Terjemahan surah al-Qadr (97): 3

Bahawa kata *Syahr* (bulan) dalam ayat ini menurut Syaḥrūr dimaknakan dengan pengesanan yang berasal dari akar kata *al-Syuhrah* atau *al-Isyhār* yang bererti pengesanan, tidak *Syahr* dalam pengertian dimensi waktu. Sedangkan kata *alf* pada ayat ini dimaknakan sebagai derivasi dari kata kerja *a-la-fa* yang bererti mengumpulkan atau menyusun. Jadi kata *alf* adalah pengumpulan atau penyusunan. Dengan pendekatan ini ayat ini bermakna; pengumpulan al-Quran lebih baik dari apa pun bentuk pengumpulan dan penyusunan lain yang satu sama lain saling berpadu membentuk perpaduan yang harmonis⁴⁵.

4.2.2.2. Jawapan terhadapnya

Ada empat perkara yang menjadi fokus pembahasan Muḥammad Syaḥrūr berkenaan dengan konsep *Inzāl* dan *al-Tanzīl* iaitu definisi *Inzāl* dan *al-Tanzīl*, prosesnya, contoh dan perbezaan antara *Inzāl* dan *al-Tanzīl* yang memberikan beberapa kesan.

Dalam literatur kamus bahasa Arab tiada perbezaan yang mendasar antara *Inzāl* dan *al-Tanzīl* kerana keduanya berasal dari terbitan yang sama iaitu *Nazala* yang bererti

Lihat: Aby Abd Allah al-Hākīm al-Naysābūrī (1398), *al-Mustadrak alā al-Ṣaḥīḥayn*, j. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 222

⁴⁵Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 206 - 207

turun, hanya sahaja kata *Inzāl* dimaknakan turun dengan sekali sedangkan *al-Tanzīl* turun secara berurutan atau bertahap⁴⁶.

Al-Suyūṭī (w. 911 H.) menjelaskan dalam kitab *al-Itqān*⁴⁷ mengenai proses penurunan al-Quran kepada baginda nabi Muhammad s.a.w. yang dibahagikan menjadi tiga bentuk: Pertama dalam bentuk lafaz dan makna, kedua diturunkan kepada hati baginda nabi Muhammad s.a.w. oleh malaikat Jibrail a.s. kemudian dilafazkan oleh nabi dengan bahasa Arab seperti yang di jelaskan dalam firman Allah:

وَإِنَّهُ لَتَنْزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٥٧﴾ نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٥٨﴾ عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya: Sesungguhnya al-Quran (yang di antara isinya kisah-kisah yang tersebut) adalah diturunkan oleh Allah Tuhan sekalian alam. ia dibawa turun oleh malaikat Jibrail yang amanah. ke dalam hatimu, supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang dari pemberi-pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia).

Terjemahan surah al-Syu'ara' (26): 192 - 194

Ketiga malaikat Jibrail a.s. menyampaikan kepada nabi kemudian nabi Muhammad s.a.w. mengucapkannya dengan bahasa Arab.

Al-Nasafī (w. 710 H.) menjelaskan dalam kitab *Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqā'iq al-Ta'wīl*, bahawa penggunaan istilah yang berbeza antara *Inzāl* dan *al-Tanzīl* menunjukkan bahawa al-Quran diturunkan melalui tahapan yang berbeza, iaitu: dalam

⁴⁶Jāmal al-Din Muḥammad bin Makram Ibn Manzūr (2005), *Lisān al-Arāb*, j. 6. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, h. 722 – 723.

⁴⁷ Abd al-Raḥman bin al-Kamāl Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (2008), *Ibid.* h. 58 - 59

bentuk sekaligus dan beransur-ansur⁴⁸. Kata *Inzāl* memberikan kefahaman penurunan secara utuh dan sekaligus. Sedangkan kata *Tanzīl* yang memberikan kefahaman penurunan secara bertahap melalui malaikat Jibrail a.s. kepada baginda nabi Muḥammad s.a.w. pendapat serupa dikemukakan pula oleh para ulama tafsir seperti al-Ṭabarī (w.310 H.) Ibnu Kathīr (w. 774 H.), al-Suyūṭī (w. 911 H.) dan lainnya⁴⁹.

Pandangan Muḥammad Syaḥrūr yang mencontohkan proses penurunan al-Quran dengan menggambarkannya tayangan siaran bola sepak. Pandangan ini dapat disimpulkan bahawa al-Quran adalah makhluk, bukti ini dikukuhkan dengan pandangan beliau mengenai istilah *al-Ja'l* yang bermaksud proses kejadian ini bermakna bahawa al-Quran sebelum di turunkan mengalami proses kejadian (penciptaan) pandangan ini kurang tepat kerana ulama telah bersepakat bahawa al-Quran adalah kalam Allah yang suci, Qadim dan bukan makhluk⁵⁰.

Menurut Ibnu Kathir (774 H) dalam *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*⁵¹, sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbās r.a. bahawa al-Quran mengalami tiga proses penurunan (*Nuzul*):

Pertama: Secara utuh sekaligus (*Jumlah Wāḥidah*) diturunkan Allah s.w.t ke *Laūḥ Mahfuz*. Sebagaimana dijelaskan dalam firman Allah s.w.t. pada surah al-Buruuj [85]: 21-22.

⁴⁸ Abd Allah bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī (1996), *Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqā'iq al-Ta'wīl*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, h. 214

⁴⁹ Riḍwān al-Sayyid (1986), *Al-Islām al-Mu'āṣir, Naz'āt fi al-Hāḍir wa al-Mustaqbal*, Beirut: Dār .Al-'Ulūm al-Arabiyah, h. 90.

⁵⁰ Perdebatan mengenai *khalq* al-Quran telah pun terjadi antara Mu'tazilah dan Ahli Sunah, penjelasan lebih lanjut boleh di rujuk pada karya Fakhr al-Din al-Rāzi Muḥammad bin Ummar (1992), *Khalq al-Qur'ān Bayn al-Mu'tazilah wa Ahl al-Sunah*, Beirut: Dār al-Jīl, h. 70 – 71

⁵¹ Ismā'il bin Ummar bin Kathīr (1997), *al-Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*. Sāmī Muḥammad Salāmah (ed.), J. 1. Riyāḍ: Dār al-Tayibah, h. 216, dan j. 4. h. 529.

بَلْ هُوَ قُرْآنٌ مَّجِيدٌ ﴿١١﴾ فِي لَوْحٍ مَّحْفُوظٍ ﴿١٢﴾

Maksudnya: (Sebenarnya apa yang engkau sampaikan kepada mereka bukanlah syair atau sihir), bahkan ialah al-Quran yang tertinggi kemuliaannya; (lagi yang terpelihara dengan sebaik-baiknya) pada *Lauh Mahfuz*.

Terjemahan surah al-Buruuj [85]: 21-22.

Kedua: Juga dalam *Jumlah Wahidah*, dari *Laūh Mahfuz* diturunkan ke sebuah tempat di *Samā' al-Dunyā* (langit dunia) yang bernama *Bait al-'Izzah*. Untuk proses ini dijelaskan, pada malam *Lailah al-Qadar* di bulan Ramadan. Sebagaimana dijelaskan dalam firman Allah s.w.t. pada surah al-Qadr (97): 1 dan surah al-Baqarah (2): 185.

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam *Lailatul-Qadar*.

Terjemahan surah al-Qadr (97): 1

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ﴿٢﴾

Maksudnya: (Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 185

Ketiga: Dari *Bait al-'Izzah* kepada baginda nabi Muhammad s.a.w. melalui Malaikat Jibrail a.s. Berbeza dengan dua proses sebelumnya yang abstrak tidak dapat

difahami bentuk dan kejadiannya. Proses ini terjadi pada malam 17 Ramadan⁵².

Pandangan Muḥammad Syaḥrūr yang menyatakan bahawa al-Quran tiada kaitan dengan *Asbāb al-Nuzūl*. Pandangan ini tidak tepat kerana (a) punca penyelewengan dan pemahaman yang salah terhadap al-Quran bermula dari penafian terhadap *Asbāb al-Nuzūl*⁵³. (b) dengan menafikan *Asbāb al-Nuzūl* dapat mencabar keagungan al-Quran, apabila al-Quran diturunkan dengan tanpa sebab maka tujuan dan matlamat al-Quran akan hilang. Pandangan ini jelas bertentangan dengan tujuan utama al-Quran:

ذٰلِكَ الْكِتٰبُ لَا رَيْبَ فِيْهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِيْنَ ﴿٢﴾

Maksudnya: Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa;

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 2

Al-Suyuti (w. 911 H.) mengatakan, dengan mengetahui hikmah dan sebab turunnya ayat al-Quran (*Asbāb al-Nuzul*) adalah salah satu proses pemahaman makna ayat al-Quran yang tepat⁵⁴.

Pandangan Muḥammad Syaḥrūr mengenai makna kata *alf* diertikan dengan pengumpulan atau penyusunan yang berasal dari derivasi dari kata kerja *a-la-fa* dan kata *Syahr* diertikan dengan pengesanan yang berasal dari akar kata *al-Syuhrah* atau *al-Isyhār*. Pendekatan ini tidak tepat dari aspek linguistik dan tatabahasa, buktinya

⁵² Yusuf Kāmil (1985), *Al-'Aṣriyūn: Mu'tazilah al-Yawm*, Mesir: al-Wafā' al-Manṣūrah, h. 22, lihat juga; Ismā'il bin Ummar bin Kathīr (1997), *op.cit.*, h. 216.

⁵³ Ṭāhir Maḥmūd Muḥammad Ya'qub (2004), *Asbāb al-Khaṭā' fi Tafsir Dirāsah Ta'siliyyah*, j. 2. Beirut; Dār Ibn Jaūzi, h.h. 1010 - 1020

⁵⁴ Abd Raḥman bin Aby Bakr Jalāl al-Din al-Suyuṭī (2007), *al-Iklīl fi Istimbāṭ al-Tanzīl*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, h. 19 - 20

sebagaimana berikut: (a) dalam kamus-kamus bahasa Arab⁵⁵ terdapat perbezaan antara *a-la-fa* dengan *a-lla-fa*, yang pertama diertikan jumlah bilangan iaitu *alfu* satu ribu dan *a-lla-fa* (أَلْفٌ) dengan bersabdu huruf *lam* diertikan penyusunan, pengumpulan dan pengarang. (b) kata *Syahr* dalam kamus-kamus bahasa Arab⁵⁶ diertikan bulan apabila *alfu Syahr* diertikan penyusunan dan pengesanan maka menyalahi tata bahasa Arab yang am. (c) Syaḥrūr tidak konsisten dalam memberikan makna *alf* dengan bukti pandangan beliau dalam bukunya:

وَهَكَذَا تُفْهَمُ " أَلْفِ شَهْرٍ " أَيَّ أَمْرٍ إِشْهَارِ الْقُرْآنِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ أَمْرٍ آخَرَ صَدَرَ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ أَوْ نَفْهَمُ أَلْفِ شَهْرٍ " أَلْفٌ " تَعْنِي تَأْلِيْفَ الْأَشْيَاءِ بَعْضُهَا مَعَ بَعْضٍ .⁵⁷

Maksudnya: Dengan begitu *alf Syahr* dapat difahami dengan pengumpulan al-Quran lebih baik dari apa pun bentuk pengumpulan dan penyusunan lain pada malam *Laylah al-Qadar* atau difahami *alf Syahr* , *alfu* adalah penyusunan sesuatu antara satu dengan lain.

Kemudian pada muka surat yang sama, beliau mengertikan *alfu* dengan makna bilangan satu ribu

كَلِمَةَ أَلْفٍ : إِمَّا أَنْ تَعْنِي أَنَّ إِشْهَارَ الْقُرْآنِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ إِشْهَارٍ آخَرَ .⁵⁸

Maksudnya: Kalimat *alfu* boleh juga bermakna bahawa pengesanan al-Quran lebih baik dari satu ribu pengesanan lain.

Oleh itu, Syaḥrūr juga mengertikan kalimat *alfu* dengan makna satu ribu dan penyusunan, hal ini yang menjadikan beliau tidak konsisten atau masih meragu dalam memberikan makna terhadap kalimat *alfu*.

⁵⁵ Aby al-Faḍl Jalāluddīn Muḥammad (2005), *Lisān al-Arab*, Juz 5, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, h.h. 426 - 427, Juz 3 h. 403 – 404, Muḥammad bin Ya'qub bin Muḥammad Ibrāhīm Al-Fayruz'ābādī (2003), *al-Qāmus al-Muḥīṭ*, j.2. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 134 – 135, j. 3, h. 158 – 159.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 206

⁵⁸ *Ibid.*

4.2.3. *I'jāz al-Qur'ān* Dan Konsep Takwil.

I'jāz al-Qur'ān merupakan kata majmuk dari *I'jāz* dan *al-Qur'ān*. Kata *I'jāz* secara etimologi adalah kata benda (*Maṣḍar*) dari '*Ajaza - Yu'jizu - I'jāzan* yang mempunyai erti ketidakberdayaan atau kelemahan. Kata *I'jāz* juga bererti terwujudnya ketidakmampuan, seperti dalam contoh: *A'jaztu Zaydan* saya mendapati Zayd tidak mampu⁵⁹.

Menurut istilah *I'jāz al-Qur'ān* adalah ilmu al-Quran yang membahaskan kekuatan susunan lafaz dan kandungan al-Quran hingga dapat mengalahkan ahli-ahli bahasa Arab dan ahli-ahli lain⁶⁰ atau menetapkan kelemahan manusia baik secara berpisah-pisah mahupun berkelompok untuk dapat mendatangkan sesama dengan al-Quran⁶¹.

Kata takwil berasal daripada perkataan Arab *Āwala – Yawilu - Ta'wilan*. Dari segi bahasa, perkataan tersebut bermakna kembali kepada asal⁶². Manakala takwil secara istilah adalah mengeluarkan *dalālah* (petunjuk) lafaz dari makna hakikat kepada makna *majāz* (metafora)⁶³ atau disiplin ilmu untuk memahami al-Quran supaya selaras dengan tujuannya⁶⁴.

Hubung kait *I'jāz al-Qur'ān* dan konsep takwil dengan hermeneutik dapat dijelaskan bahawa *I'jāz al-Qur'ān* adalah bukti keaslian teks dan keunggulannya untuk

⁵⁹ Aby al-Faḍl Jalāluddīn Muḥammad (2005), *op.cit.*, juz 5, h. 369-370

⁶⁰ Mannā' al-Qaṭṭān (1998), *Mabāḥith fi Ulūm al-Qur'ān*, Beirut: Mu'asasah al-Risālah, h. 258-259

⁶¹ Muṣṭafa Muslim (2008), *Mabāḥith fi I'jāz al-Qur'ān*, cet. IV. Damsyiq: Dār al-Qalam. h. 18 - 20.

⁶² Al-Fayruz'ābādī (2003), *op.cit.*, j.1. h. 341.

⁶³ Abū al-Wālid bin Rusyd (1986), *Faṣl al-Maqāl fīmā bayn al-Ḥikmah wa al-Syari'ah min al-Ittiṣāl*, c. 2. (ed), Muḥammad, 'Imārah. Kaherah: Dār al-Ma'ārif, h. 32

⁶⁴ Ṣalāh Abd al-Faṭṭāḥ al-Khālidī (2006), *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufasirīn*, cet. II. Damsyiq: Dār al-Qalam. h. 26.

difahami secara komprehensif. Sedangkan konsep takwil adalah sebahagian dari proses pencarian dan pemahaman makna, mengikut kriteria yang telah di tetapkan oleh ulama. Maka dari itu pembahasan tersebut sangatlah berkaitan dengan teori hermeneutik sebagai salah satu teori untuk mengkaji teks yang merangkumi perkara-perkara tersebut.

Berikut pandangan Muḥammad Syaḥrūr mengenai *I'jāz al-Qur'ān* dan konsep takwil.

4.2.3.1. Pendapat Muḥammad Syaḥrūr

Muḥammad Syaḥrūr berpendapat bahawa al-Quran mempunyai dua sisi kemukjizatan sastera dan ilmiah. Beliau menggunakan pendekatan deskriptif dan gramatis untuk kajian sastera al-Quran dan pendekatan histori untuk kajian ilmiah⁶⁵.

Menurut Muḥammad Syaḥrūr *I'jāz al-Qur'ān* bersumber dari dua perkara iaitu *al-Tahdhīr* (peringatan) dan *al-Taḥaddī* (tantangan) antara ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan mengenai dua perkara ini, adalah⁶⁶:

Tahdhīr (peringatan):

فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُمُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لَيْشْتَرُوا بِهِ
ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ فَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ ﴿٦٦﴾

Maksudnya: Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka, kemudian mereka berkata: "Ini ialah dari sisi Allah", supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 79

⁶⁵ Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 187

⁶⁶ *Ibid.*, h. 179

al-Taḥaddī (tantangan):

قُلْ لِّئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ
بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri".

Terjemahan surah al-Isrā' (17): 88

Dari ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan *al-Taḥdhīr* (peringatan) dan *al-Taḥaddī* (tantangan) beliau mendapati kesimpulan bahawa kriteria *I'jāz al-Qur'ān* adalah seperti berikut:

1. Mengandungi bentuk yang mutlak dan dapat difahami secara relatif mengikut perkembangan pengetahuan sesuai dengan ruang dan waktu. Dari konsep ini beliau ingin menjelaskan bahawa khazanah tafsir yang hadir di dunia Islam merupakan interaksi generasi tersebut dengan teks al-Quran mengikut pengetahuan pada masa itu⁶⁷. Menurut istilah beliau, *Thibāt al-Ṣiḡḡah wa ḥarakah al-Muḥṭawā* (al-Quran teksnya tetap terjaga akan tetapi kandungannya dapat difahami secara relatif)⁶⁸.

⁶⁷ Muḥammad Syaḥrūr memberikan contoh seperti pakar elektronik yang menyampaikan maklumat kepada anak yang berumur tiga tahun, maka penyampaian tersebut ada dua metode: pertama, menyampaikan maklumat secara berperingkat mengikut kefahaman anak dan pertumbuhan usianya. Kedua, menyampaikan maklumat secara langsung, dengan mengemas kini maklumat mengikut kefahaman anak supaya dapat difahaminya. Begitu juga al-Quran yang mutlak disampaikan kepada manusia untuk di fahami mengikut pengetahuannya. Inilah inti dari kemukjizatan al-Quran, iaitu teksnya terjaga dan dapat difahami secara relatif. Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 58 – 59.

⁶⁸ *Ibid.*, h. 188

2. Bentuk *I'jāz al-Qur'an* dapat diterima oleh akal manusia yang waras, sebab al-Quran diturunkan untuk memberikan panduan dan petunjuk bagi manusia, oleh itu semua isi kandungan al-Quran mesti dapat difahami oleh akal manusia supaya tidak sia-sia⁶⁹.
3. Memiliki susunan dan balaghah yang tinggi. Susunan al-Quran adalah bentuk keutuhan yang mengandungi kesasterawanan yang tidak tertandingi kerana merangkumi semua aspek dan selari dengan pengetahuan yang berkembang⁷⁰.

Menurut Muḥammad Syaḥrūr proses takwil yang tepat dengan tujuan utama al-Quran mesti mengikut kaedah sebagaimana berikut⁷¹:

1. Memahami linguistik Arab yang tidak mengandungi sinonim, tetapi sebaliknya satu kalimat mungkin memiliki makna lebih dari satu.
2. Memahami perbezaan antara *Inzāl* dan *Tanzīl* sebagai proses pemahaman makna.
3. Memahami susunan al-Quran dengan sempurna dan komprehensif.
4. Memahami ayat-ayat al-Quran secara utuh tidak sepotong-potong menurut istilah Muḥammad Syaḥrūr adalah *al-Ta'ddiyah* iaitu pembahagian sesuatu yang dapat menghilangkan kesempurnaannya. Sebagaimana firman Allah s.w.t.:

كَمَا أَنْزَلْنَا عَلَى الْمُقْتَسِمِينَ ﴿٩١﴾ الَّذِينَ جَعَلُوا الْقُرْآنَ عِضِينَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: (Kami berikan kepadamu *al-Faatihah* dan al-Quran) samalah seperti Kami menurunkan (Kitab-kitab) kepada orang-orang yang membahagi-bahagi- (iaitu) mereka yang menjadikan al-Quran terbahagi kepada beberapa bahagian

Terjemahan surah al-Ḥijr (15): 90 – 91

5. Mengenal pasti pembahasan ayat-ayat yang berkaitan.

⁶⁹ Temubual, *op.cit.*

⁷⁰ Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 188 - 189

⁷¹ *Ibid.*, h.h. 196- 204

Menurut Muḥammad Syahrūr selepas memahami kriteria *I'jāz al-Qur'ān* dan kaedah takwil supaya diaplikasikan mengikut metode yang selaras dengan pendekatan hermeneutik sebagaimana berikut⁷²:

1. Seakan-akan nabi baru sahaja wafat dan al-Quran baru sampai kepada kita. Dengan begitu al-Quran selalu relevan di setiap ruang dan waktu, kerana mengandungi hakikat yang mutlak dan dapat di fahami secara relatif.
2. Memahami ayat yang akan ditakwilkan mengikut bidang dan kepakaran, supaya hasil takwil tepat dan tidak lari dari tujuan utama al-Quran.
3. Hasil takwil tidak bercanggahan dengan penemuan ilmiah dan akal yang waras. Contohnya: teori bulatnya bumi, teori penciptaan manusia dan teori kejadian alam semesta.
4. Ayat-ayat yang menerangkan perkara ghaib perlu ditakwilkan selaras dengan penerimaan indera dan logik manusia secara berperingkat. Contohnya: perkembangan alat teknologi canggih adalah sebagai bentuk pemahaman terhadap perkara yang dahulunya dianggap ghaib akan tetapi dengan hadirnya teknologi moden dapat memudahkan akal dan indera memahami serta menerimanya, begitu juga ayat-ayat yang menerangkan mengenai hari kiamat, kebangkitan, syurga dan neraka, ayat-ayat tersebut dapat ditakwilkan dengan menggunakan teori alam yang dapat di terima oleh akal dan indera⁷³.
5. Takwilan semasa adalah bersifat relatif dan dapat berubah kerana takwilan tersebut berdasarkan kemampuan dan pengertian semasa. Ini bermakna supaya generasi masa hadapan tidak terkongkong dan jumud untuk menggunakan metode ilmiah dalam mencari kebenaran sebagai asas utama.

⁷² *Ibid.*, h. 203 - 205

⁷³ *Ibid.*, h. 204

4.2.3.2. Jawapan terhadapnya

Dari huraian di atas, dapat diketahui bahawa Muḥammad Syaḥrūr mendedahkan kriteria *I'jāz al-Qur'ān* dan konsep takwil bersumber dari kajian beliau terhadap ayat-ayat al-Quran yang menerangkan *Taḥdhīr* (peringatan) dan *al-Taḥaddī* (tantangan). Berkenaan dengan *Taḥdhīr* (peringatan) beliau menyebutkan firman Allah s.w.t.:

فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُمُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لَيْسَتْ رُؤْيَا بِهِ
ثَمَنًا قَلِيلًا فَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ ﴿٧٦﴾

Maksudnya: Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: "Ini ialah dari sisi Allah", supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 79

Penggunaan ayat ini sebagai hujah *Taḥdhīr* (peringatan) yang berkaitan dengan *I'jāz al-Qur'ān* kurang tepat dari beberapa pendekatan: (a) Ayat ini membincangkan terhadap orang Yahudi yang memalsukan Taurat. (b) Apabila melihat *Asbāb al-Nuzūl* dan susunan ayat maka nampak jelas bahawa yang dimaksudkan adalah khusus kaum Yahudi⁷⁴. (d) Dalam kitab-kitab tafsir dijelaskan bahawa yang dimaksudkan *al-Kitāb* dalam ayat ini adalah Taurat bukan al-Quran⁷⁵. Oleh itu ayat yang sesuai untuk menjelaskan *Taḥdhīr* (peringatan) yang berkaitan dengan *I'jāz al-Qur'ān* adalah firman Allah s.w.t.;

⁷⁴ Aby al-Ḥasan Ali bin Aḥmad bin Muḥammad al-Wāḥidī (2005), *Asbāb Nuzūl al-Qurān*, Riyāḍ: Dār al-Mayāman, h. 129

⁷⁵Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (t.t.), *Jāmi' al-Bayān an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, J.2. Kaherah: Maktabah Ibnu Taymiyyah, h. 271 – 273.

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَأَهْدَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا بَيَّنَّاهُ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ
 أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللَّعُنُونَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk hidayah, sesudah Kami menerangkannya kepada manusia di dalam Kitab suci, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 159

Kriteria *I'jāz al-Qur'ān* yang di sebutkan Muḥammad Syaḥrūr dengan istilah *Thibāt al-Ṣiḡḡah wa ḥarakah al-Muḥṭawā* (al-Quran teksnya tetap terjaga akan tetapi kandungannya dapat difahami secara relatif) memang al-Quran mengandungi perkara yang mutlak akan tetapi tidak tepat kalau seluruh ayat al-Quran dapat difahami secara relatif karena dalam ayat-ayat al-Quran ada yang bersifat *Qat'i* dilalah yang difahami sama di setiap ruang dan waktu, contohnya;

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا
 أَحَدٌ ﴿٤﴾

Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah yang maha Esa; "Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; "Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakan; "Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya".

Terjemahan surah al-Ikhlās (112): 1 – 4

Pendapat Muḥammad Syaḥrūr yang mengatakan bahawa tafsir-tafsir yang hadir di dunia Islam adalah hasil interaksi generasi tersebut dengan al-Quran. Pandangan ini kurang tepat, kerana tafsir yang hadir di dunia Islam masih merujuk kepada tafsir *bi al-Ma'thur* iaitu tafsir generasi awal yang menjadi rujukan utama dalam tafsir, sebagai contoh tafsir al-Ṭabarī (w.310 H.), Ibn Kathīr (w.774 H.), al-Suyūṭī (w.911 H.) dan

lainnya, hanya sahaja perbezaan antara tafsir-tafsir tersebut dari aspek penyebutan *Isra'iliyyāt*, aspek tata bahasa, ilmu kalam dan lainnya⁷⁶.

Pendapat Muḥammad Syaḥrūr mengenai metode pengaplikasian takwil semasa dan mengatakan seakan-akan nabi baru sahaja wafat dan al-Quran baru sampai kepada kita. Pandangan ini tidak tepat dari beberapa pendekatan di antaranya: (a) Pandangan ini memberikan kefahaman untuk melupakan sunnah nabi dan khazanah ilmu yang telah diwariskan sahabat, tabiin dan generasi terdahulu berkenaan dengan pentafsiran al-Quran. (b) Pandangan ini memaklumkan bahawa al-Quran dapat ditafsirkan secara bebas dan relatif. (c) Pandangan ini secara jelas menafikan *Asbāb al-Nuzūl* yang dapat menimbulkan penyelewengan dalam pentafsiran.

Pandangan Muḥammad Syaḥrūr yang mengatakan hasil takwil tidak bercanggahan dengan akal yang waras dan ayat-ayat yang menerangkan perkara ghaib perlu ditakwilkan selaras dengan penerimaan indera dan logik manusia. Pandangan ini salah dan perlu diluruskan, indera dan akal manusia bukanlah sebagai kayu ukur takwil, akan tetapi lebih tepatnya akal adalah sebagai alat untuk mencari kebenaran bukan ukuran yang dapat menghukumkan sesuatu, akal manusia bukanlah segala-galanya kerana kemampuan akal dan indera manusia terbatas. Oleh itu, salah satu peranan rasul adalah sebagai penyambung antara manusia dengan alam ghaib yang tidak dijangkau oleh akal⁷⁷, seperti masalah roh, *Dhāt* Allah dan perkara ghaib yang lain, sebagaimana di jelaskan dalam firman Allah s.w.t.:

⁷⁶ Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabi (2005), *al-Tafsīr wa al-Mufasirūn*, Beirut: Dār al-Yusuf, h.h 10 dan 88.

⁷⁷ Dr. Sa'īd Ramaḍān al-Būḥārī, (1998), *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kauniyyah Wujūd al-Khālīq wa wazīfah al-Makhlūq*, Damsyiq: Dār al-Fikr, h.h. 301 - 305

وَدَسَّأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

Maksudnya: Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. katakan: roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.

Terjemahan surah al-Isrā' (17): 85

Rasullah s.a.w. bersabda :

وَلَا يَزَالُ النَّاسُ يَتَسَاءَلُونَ حَتَّى يُقَالَ هَذَا خَلَقَ اللَّهُ فَمَنْ خَلَقَ اللَّهُ؟ فَمَنْ وَجَدَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا فَلْيَقُلْ آمَنْتُ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ⁷⁸.

Maksudnya: Manusia selalu menanya sehingga ianya berkata ini adalah makhluk ciptaan Allah, siapa yang menciptakan Allah? Sekiranya seseorang berfikir mengenai hal tersebut maka cepat berkata: saya beriman kepada Allah dan rasul-Nya.

Pandangan Muḥammad Syaḥrūr yang mengatakan takwilan semasa adalah bersifat relatif dan dapat berubah kerana takwilan tersebut berdasarkan kemampuan dan pengertian semasa. Jelas pandangan ini tidak tepat dari beberapa aspek; (a) ada beberapa ayat yang hanya boleh difahami dengan satu erti dan maksud seperti ayat-ayat yang berkaitan dengan akidah, apabila ayat tersebut difahami secara relatif maka keimanan dapat berubah menjadi kufur⁷⁹. (b) tidak semua ayat dapat difahami mengikut pengetahuan semasa, kerana al-Quran telah memberikan penjelasan kriteria ayat yang boleh difahami secara *Ijtihādiyah* dan ayat yang pasti (*Qat'i*) hanya dapat difahami satu makna.

⁷⁸ Muslim bin Ḥajāj (2005), *Ṣaḥiḥ Muslim*, J. 1. Kitāb al-Imān Bāb fi al-Amr bi al-Imān wa al-Istiādḥah Inda waswasah al-Syayḥān, (nombor ḥadith: 341), Beirut: Dār al-Ma'rifah h. 334

⁷⁹ Abd Allah bin Muslim bin Qutaybah (1973), *Ta'wīl Musykil al-Qur'ān*, Kaherah: Dār al-Turath, h. 98 – 99

4.2.4 Teori Dialektik Dan Pengetahuan.

Dialektik berasal dari kata dialog yang berarti komunikasi dua arah.⁸⁰ Istilah ini mula digunakan pada masa Yunani kuno oleh Herakleitus (600 SM). Kemudian istilah ini disempurnakan oleh Hegel (1770 – 1831 M) dengan memaknainya ke dalam tiga bentuk yaitu; tesis, antitesis dan sintesis⁸¹. Menurut Hegel semua sesuatu adalah bersifat mungkin (tesis) kemudian berlaku proses pertentangan (antitesis) dari proses tersebut muncullah hasil (sintesis) contohnya satu biji gandum (tesis) kemudian ditanam dalam tanah mengalami proses perubahan (antitesis) dan menghasilkan biji gandum (sintesis). Maka dari itu Hegel berkesimpulan tidak ada satu kebenaran yang mutlak karena berlaku hukum dialektik yang selalu berubah dan relatif.

Menurut Tan Malaka (-1946) dialektik mengandung empat hal: Waktu, pertentangan, timbal balik dan selok-belok (pertalian)⁸².

Menurut bahasa Pengetahuan adalah segala sesuatu yang diketahui; kepandaian⁸³. Pengetahuan manusia adalah hasil dari tahu dan terjadi setelah orang melakukan pengesanan terhadap objek tertentu. Pengesanan terjadi melalui panca indera manusia yaitu indera penglihatan, pendengaran, penciuman, rasa dan raba. Sebagian besar pengetahuan manusia diperoleh melalui mata dan telinga⁸⁴.

⁸⁰e-Kamus Versi 5.01, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur Malaysia, Lorens Bagus (2005), *Kamus Filsafat*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama, h.h. 161 - 164

⁸¹ Dr. Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī (1985), *Naqḍ Awuhām al-Mādiyyah al-Jadāliyyah al-Dialetikyah*, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 17- 18

⁸² Tan Malaka (1999), *Madilog*, Jakarta; Terbitan Widjaya, h.h. 84 - 88

⁸³ Lorens Bagus (2005), *op.cit.*, h.h. 803 – 815.

⁸⁴ Alwi, Hasan, Sugono, Dendi, Adiwirmata, Sri Suseki (2008). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Jakarta: Departemen Pendidikan Nasional dan Balai Pustaka, h. 1414

Hubung kait dialektik dan pengetahuan dengan teori hermeneutik dapat dijelaskan bahawa konsep dialektik adalah proses dari pencarian makna terhadap teks yang diselaraskan dengan pentafsiran, pengetahuan dan perkembangan semasa, maka dari itu kaitan teori hermeneutik dengan konsep dialektik adalah sangat erat sebagai proses memahami teks yang tepat.

Berikut pandangan Muḥammad Syaḥrūr mengenai teori dialektik dan pengetahuan dalam buku beliau.

4.2.4.1. Pendapat Muḥammad Syaḥrūr

Menurut Muḥammad Syaḥrūr konsep dialektik dalam al-Quran ada empat kategori⁸⁵;

- a) Dialektik antara dua unsur yang saling berproses dalam satu bentuk contohnya proses perkembangan alam seperti dalam firman Allah s.w.t.:

إِنَّ اللَّهَ فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَى ط
مُخْرِجُ الْحَيِّ مِنَ الْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ الْمَيِّتِ مِنَ الْحَيِّ ط
ذَٰلِكُمْ اللَّهُ فَآئِنِّي تُؤْفَكُونَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah jualah yang membelah (menumbuhkan) butir (tumbuh-tumbuhan) dan biji (buah-buahan). ia mengeluarkan yang hidup dari yang mati, dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. yang sedemikian itu kekuasaannya ialah Allah. maka bagaimanakah kamu dipalingkan dari menyembahNya (oleh benda-benda yang kamu jadikan sekutuNya)?

Terjemahan surah al-An'ām (6): 95

⁸⁵ Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 219 - 220

- b) Dialektik antara dua unsur yang saling melengkapi antara satu sama lainnya secara berpasangan contohnya keselarasan pasangan antara sesuatu, positif dengan negatif, laki-laki dengan perempuan dan seterusnya:

سُبْحَانَ الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنْفُسِهِمْ
وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: Maha suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi, atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya.

Terjemahan surah Yasiin (36): 36

- c) Dialektik antara dua unsur yang saling melengkapi akan tetapi tidak dapat bertemu contohnya pergantian antara malam dengan siang, langit dengan bumi dan syurga dengan neraka.
- d) Dialektik antara dua unsur yang berada dalam fikiran manusia yang berproses saling berlawanan contohnya kebenaran dan kebatilan (*al-Haq wa al-Bāṭil*).

Muḥammad Syaḥrūr berpandangan bahawa al-Quran menerangkan mengenai dialektik manusia dalam firman Allah s.w.t.:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَذَا الْقُرْآنِ لِلنَّاسِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ ۚ وَكَانَ الْإِنْسَانُ أَكْثَرَ شَيْءٍ
جَدَلًا ﴿١٨﴾

Maksudnya: Demi sesungguhnya Kami telah huraikan dengan berbagai-bagai cara di dalam al-Quran ini untuk umat manusia, dari segala jenis contoh bandingan dan sememangnya manusia itu, sejenis makhluk yang banyak sekali bantahannya.

Terjemahan surah al-Kahf (18): 54

Dari ayat ini Muḥammad Syaḥrūr berkesimpulan bahawa dialektik manusia adalah dari dua unsur antara kebenaran dan kebatilan (*al-Ḥaq wa al-Bāṭil*) kerana manusia sebagai makhluk yang dianugerahi akal fikiran yang selalu berproses antara dua unsur kebenaran dan kebatilan, sebagaimana di jelaskan dalam firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْمُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 42

Dari proses dialektik antara kebenaran dan kebatilan (*al-Ḥaq wa al-Bāṭil*) berlandaskan dengan pengetahuan manusia (*al-Ma'rifah*) maka dapat mengetahui perbezaan antara keduanya.

Menurut Muḥammad Syaḥrūr unsur pengetahuan manusia dalam al-Quran ada enam:

a. Kebenaran dan kebatilan (*al-Ḥaq wa al-Bāṭil*)⁸⁶

⁸⁶ Firman Allah s.w.t.;

ذَٰلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِن دُونِهِ هُوَ الْبَاطِلُ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَلِيُّ
الْكَبِيرُ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Bersifatnya Allah dengan kekuasaan dan luas ilmu pengetahuan itu kerana bahawasanya Allah, Dia lah sahaja Tuhan yang sebenar-benarnya, dan bahawa segala yang mereka sembah selain dari Allah itulah yang nyata palsunya. dan (ingatlah) sesungguhnya Allah jualah yang Maha tinggi keadaannya, lagi Maha besar (kekuasaanNya).

Terjemahan surah al-Hajj (22): 62

وَيَمْحُ اللَّهُ الْبَاطِلَ وَيُحِقُّ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿١٥﴾

Maksudnya: Dan sememangnya Allah tetap menghapuskan perkara yang salah serta ia menetapkan yang benar dengan kalimah-kalimah wahyuNya dan keputusanNya. sesungguhnya ia Maha mengetahui akan Segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada.

Terjemahan surah al-Syūrā (42): 24

b. Abstrak dan nyata (*al-Ghayb wa al-Syahādah*)⁸⁷

c. Pendengaran, penglihatan dan hati (*al-Sam' al-Baṣar wa al-Fu'ād*)⁸⁸

⁸⁷ Firman Allah s.w.t.;

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ ۗ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: Dia lah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan dia; yang mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata; Dia lah yang Maha pemurah, lagi Maha mengasihani.

Terjemahan surah al-Ḥasyr (59): 22

عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٣﴾

Maksudnya: Dia lah yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, (dan Dia lah jua) yang maha kuasa, lagi maha bijaksana.

Terjemahan surah al-Taghābūn (64): 18

⁸⁸ Firman Allah s.w.t.;

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿١٧﴾

Maksudnya: Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.

Terjemahan surah al-Isrā' (17): 36

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ ۗ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾

Maksudnya: dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu Dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur.

Terjemahan surah al-Naḥl (16): 78

ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُوحِهِ ۗ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٩١﴾

Maksudnya: kemudian ia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: roh ciptaan-Nya. dan ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

Terjemahan surah al-Sajdah (32): 9

قُلْ هُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿١٠٠﴾

- d. Perasaan (*al-Qalb*)⁸⁹
- e. Akal dan fikiran (*al-Aql wa al-Fikr*)
- f. Manusia dan insan (*al-Basyar wa Insān*)

Dari enam unsur tersebut manusia dapat melakukan proses pentakwilan secara objektif dan dapat memahami teks al-Quran yang sesuai di setiap ruang dan waktu⁹⁰.

Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada), dan mengadakan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (untuk kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur".

Terjemahan surah al-Mulk (67): 23

⁸⁹Firman Allah s.w.t.:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ
وَلَكِن تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ ﴿٢٣﴾

Maksudnya: Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.

Terjemahan surah al-Hajj (22): 46

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ
بِهَا وَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلَّغَهُمْ أَصْلًا ۗ أُولَئِكَ هُمُ الْعُغْلُقُونَ ﴿١٧٤﴾

Maksudnya: Dan Sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.

Terjemahan surah al-'A'rāf (7): 179

⁹⁰Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 263

4.2.4.2. Jawaban terhadapnya

Ada dua hal penting berkenaan dengan pandangan Muḥammad Syaḥrūr mengenai dialektik dan pengetahuan manusia dalam al-Quran. Pertama mengenai pembahagian dialektik dalam al-Quran. Kedua mengenai pengetahuan manusia dalam al-Quran.

Muḥammad Syaḥrūr membahagikan konsep dialektik dalam al-Quran menjadi empat bahagian, akan tetapi beliau tidak menyebutkan asal muasal konsep dialektik yang beliau rujuk. Setelah diteliti maka mendapati bahawa fikrah tersebut berasal dari pemikiran tokoh-tokoh dialektik terkemuka di antara mereka adalah⁹¹: Hegel (1770 – 1831 M), Karl Heinrich Marx (1818–1883) dan Friedrich Engels (1820 - 1895) namun beliau tidak menyebutkan rujukan dan nama-nama mereka dengan jelas, ini terbukti dari petikan ayat berikut⁹²:

إِنَّ صِرَاعَ الْعُنْصُرَيْنِ الْمُتَنَاقِضَيْنِ دَاحِلِيًّا، الْمَوْجُودَيْنِ فِي كُلِّ شَيْءٍ يُؤَدِّي إِلَى تَغْيِيرِ شَكْلِ كُلِّ شَيْءٍ بِاسْتِمْرَارٍ، وَيَتَجَلَّى فِي هَلَاكِ شَكْلِ ذَلِكَ الشَّيْءِ وَظُهُورِ شَكْلِ آخَرَ. وَفِي هَذَا الصِّرَاعِ يَكْمُنُ السِّرُّ فِي التَّنَطُّورِ وَالتَّغْيِيرِ الْمُسْتَمْرَيْنِ فِي هَذَا الْكَوْنِ مَا دَامَ قَائِمًا . هَذَا هُوَ مَا يُسَمَّى بِالْحَرَكَةِ الْجَدَلِيَّةِ الدَّاحِلِيَّةِ الَّتِي أُطْلِقَ عَلَيْهَا فِي بَعْضِ التَّرْجُمَاتِ مُصْطَلَحُ النَّفْيِ وَنَفْيِ النَّفْيِ . وَقَدْ أُطْلِقَ عَلَيْهَا الْقُرْآنُ مُصْطَلَحُ التَّسْيِيحِ.⁹³

Maksudnya: Konflik dalaman yang kontradiksi antara dua komponen pada sesuatu dapat mengubah bentuk sesuatu terus-menerus hal ini dapat dilihat dengan musnahnya satu unsur kemudian munculnya bentuk lain. Dalam konflik ini terletak rahsia berevolusi dan perubahan yang konstan dalam alam semesta ini secara berterusan. Ini adalah yang disebut dengan gerakan dialektik dalaman yang dikenali oleh para ahli falsafah dengan istilah penolakan dan penafian, penafian (*al-Nafy wa Nafy al-Nafyu*). Dalam al-Quran dikenal dengan istilah *al-Tasbiḥ*)

⁹¹ Dr. Sa'īd Ramaḍān al-Būḥī (1985), *op.cit.*, h. 20 - 21

⁹² Yusuf al-Ṣaydawī (t.t.), *op.cit.*, h. 101 - 102

⁹³ Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 223

Pandangan Muḥammad Syaḥrūr yang mengatakan unsur pengetahuan dalam al-Quran ada enam, kemudian beliau menjadikannya sebagai alat untuk melengkapi proses pentakwilan teks secara objektif dan dinamik. Pandangan ini memberikan kefahaman dan implikasi yang berbahaya dalam pemikiran, diantaranya: (a) bahawa al-Quran tidak bertentangan dengan filsafat kerana ia merupakan induk dari ilmu pengetahuan (b) enam unsur tersebut adalah bentuk interaksi manusia dengan alam materi (c) pengetahuan manusia adalah berasaskan dengan alam materi dan nyata. Bukti tersebut dapat dilihat pada petikan berikut:

إِنَّ مَصْدَرَ مَعْرِفَةِ الْإِنْسَانِيَةِ هُوَ الْعَالَمُ الْمَادِي خَارِجَ الذَّاتِ الْإِنْسَانِيَةِ، يَعْنِي ذَلِكَ إِنَّ
 الْمَعْرِفَةَ الْحَقِيقِيَّةَ "غَيْرَ الْوَهْمِيَّةَ" لَيْسَتْ مُجْرَدُ صُورٍ ذَهْنِيَّةٍ، بَلْ تُقَابِلُهَا الْأَشْيَاءُ فِي الْوَاقِعِ،
 لِأَنَّ وُجُودَ الْأَشْيَاءِ خَارِجَ الْوَعْيِ هُوَ عَيْنَ حَقِيقَتِهَا⁹⁴.

Maksudnya: Sesungguhnya sumber pengetahuan manusia adalah alam materi yang berada di luar eksistensi manusia itu sendiri. Ini bermakna bahawa pengetahuan yang sesungguhnya tidak bersifat khayalan, tidak merupakan abstraksi dari gambaran-gambaran purbasangka (khayalan), tetapi hal-hal yang sesuai dengan realiti, sebab wujud segala sesuatu yang berada di luar kesedaran manusia itu adalah kunci kebenarannya.

Sedangkan dalam konsep pengetahuan Islam, falsafah merupakan bentuk pemahaman terhadap al-Quran, maka dari itu ianya boleh jadi diterima boleh juga di tolak apabila tidak selaras dengan tujuan utama al-Quran⁹⁵.

⁹⁴ Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 191

⁹⁵ Dr. Sa'īd Ramaḍān al-Būḥī (1993), *al-Dīn wa al-Falsafah*, Damsyiq: Maktabah al-Fārabi, h.h. 41 - 45

4.3. Kesimpulan

Daripada huraian di atas dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dalam buku beliau yang berkaitan dengan hermeneutik dapat dibahagikan menjadi empat bahagian: sinonim dalam bahasa al-Quran, konsep penurunan al-Quran (*Inzāl* da *Tanzīl*), *I'jāz* al-Quran dan konsep takwil kemudian teori dialektik dan pengetahuan.
2. Sinonim dalam bahasa al-Quran masih diperdebatkan, perbezaan pandangan Muḥammad Syaḥrūr dengan ulama linguistik mengenai sinonim adalah Syaḥrūr menafikan sinonim dalam bahasa al-Quran secara mutlak, sedangkan ulama yang menafikan sinonim hanya setakat perbezaan dalam sifat-sifat dan makna sahaja akan tetapi maksudnya sama.
3. Konsep penurunan al-Quran menurut Muḥammad Syaḥrūr melalui tiga istilah *al-Ja'l*, *Inzāl* dan *al-Tanzīl* dengan logika penayangan siaran televisi secara langsung. Sedangkan proses penurunan al-Quran telah di jelaskan oleh ulama dengan tiga peringkat pertama ke *Laūḥ Maḥfuz.*, kedua ke *Bait al-'Izzah* yang berada di langit dunia dan ketiga kepada baginda nabi Muhammad s.a.w.
4. Kemukjizatan al-Quran dan takwil adalah unsur terpenting untuk memahami al-Quran mengikut kriteria, konsep dan metode yang ditetapkan. Akan tetapi Muḥammad Syaḥrūr ingin merasionalkan sesuatu yang tak mampu untuk dibaca oleh akal seperti perkara ghaib, hal ini adalah bentuk penyelewengan dalam tafsir.
5. Teori dialektik sebagai bukti kemukjizatan al-Quran, kerana al-Quran yang mutlak dapat difahami secara relatif dan dinamik mengikut ruang dan waktu. Perkara ini yang tidak dapat di terima oleh ulama, kerana tidak semua ayat al-Quran dapat difahami secara relatif.